

Cerapan anak bulan dibantu data dari sumber diiktiraf



Pensyarah Pusat Sains Kemasusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Oleh Dr Ahmad Irfan Ikmal Hisham
bhagama@bh.com.my

Perbincangan mencerap anak bulan atau hilal Syawal yang akan dilakukan pada Ahad ini, iaitu bersamaan 29 Ramadan seperti biasa menjadi perdebatan dalam masyarakat hingga kadangkala mengundang kegelisahan akibat ketidaktahuan terhadap pensyariatannya.

Sistem kalender hijrah berasaskan peredaran bulan mengelilingi bumi. Bilangan harinya sama ada 29 atau 30 hari yang tidak ditentukan semata-mata dengan pengaliran bulan, pengiraan ijtimak atau konjungsi seperti diamalkan dalam kalender lunar Cina, India atau Yahudi.

Dalam Islam, penentuan awal bulan berasaskan rukyah atau cerapan hilal. Ini berdasarkan mafhum hadis Nabi SAW: "Janganlah kamu mula berpuasa melainkan setelah melihat hilal." (Hadis riwayat Bukhari)

Dalam kaedah fiqh, ulama menyatakan petunjuk kepada masuknya bulan baharu adalah berdasarkan kenampakan hilal, bukannya kepada kewujudannya.

Oleh itu, umat Islam sejak dahulu lagi bersungguh-sungguh melakukan cerapan hilal setiap 29 hari bulan hijrah. Sekiranya anak bulan tidak kelihatan, maka keesokan hari akan digenapkan (istikmal) kepada 30 hari tetapi sekiranya kelihatan, esoknya akan masuk bulan baharu.

Ketika zaman Nabi SAW, kekerapan berpuasa Ramadan 29 hari lebih banyak berbanding 30 hari. Ini berdasarkan kata-kata atau athar Ibnu Mas'ud RA yang menyatakan: "Kami berpuasa bersama-sama dengan Nabi SAW selama 29 hari lebih banyak berbanding 30 hari." (HR Abu Daud)

Ini membuktikan sahabat bersungguh-sungguh melakukan aktiviti cerapan sejak kefaruduan puasa Ramadan pada tahun kedua Hijrah. Pada masa sama, riwayat Ibnu Mas'ud ini juga membuktikan langit Semenanjung Tanah Arab ketika zaman Nabi SAW tidak tercemar dengan pencemaran cahaya dan kurang berawan hingga memudahkan mereka mencerap anak bulan.

Hakikatnya, antara cabaran mencerap anak bulan ialah faktor cuaca. Awan tebal atau kabus di kaki langit menyukarkan proses cerapan kerana anak bulan terlindung.

Sedangkan berdasarkan analisis data raya dikumpulkan sejak perkembangan astrometri dan falak, kita boleh menghitung kebolehnampakan anak bulan dengan hampir tepat. Inilah proses digunakan kerajaan Malaysia sekarang, iaitu kaedah hisab imkanur rukyah.

Proses hisab atau kiraan ini bukannya menolak rukyah atau cerapan, bahkan menjadikan kebolehnampakan atau kebolehcerahan itu sebagai kriteria asas. Ini selari dengan hadis Nabi SAW: "Apabila cerapan kamu dihalang awan, maka hitunglah." (HR Bukhari)

Hadis ini selari dengan petunjuk disebut dalam hadis yang Nabi SAW memberikan boyangan bahawa pada zaman Baginda, umat Islam belum lagi pandai menghitung. Maka difahami sekiranya teknik hitungan itu sudah tepat, ia boleh digunakan untuk melengkapkan kaedah cerapan secara pasti.

Nabi SAW bersabda: "Kami ini adalah umat buta huruf, yang tidak boleh menulis dan tidak menghitung, satu bulan itu jumlah harinya begini dan begini, iaitu sekali berjumlah 29 dan sekali berikutnya 30 hari." (HR Bukhari)

Penerimaan penguaman hisab sama ada untuk

mengisbat (menetapkan) atau menafikan kewujudan dan kenampakan hilal, adalah khilaf muktabar. Demi kemaslahatan dan kesatuan ummah, pihak berkuasa agama menerima penggunaan hisab berasaskan imkanur rukyah dengan kriteria tertentu. Polisi diambil pihak berkuasa agama, menyelesaikan khilaf dalam kalangan masyarakat.

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKT) Ke-118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 membincangkan Kriteria Baharu Imkanur Rukyah bagi Penentuan Awal Bulan Hijrah Dalam Kalender Hijrah Di Malaysia.

Muzakarah mengambil maklum perubahan nilai Kriteria Imkanur Rukyah yang baharu, iaitu ketika matahari terbenam ketinggian bulan tidak kurang daripada 3 darjah dan jarak lengkung bulan

matahari (elongasi) tidak kurang daripada 6.4 darjah serta bersetuju untuk pelaksanaannya pada 2021 (1443H) selaras dengan keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Pertemuan Tahunan Tindakan Rasmi Menteri-Menteri Agama: Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) Ke-44.

Kriteria hitungan ini termasuk dalam perkara ijthad. Sebelum mencerap, data mentah mengenai kedudukan matahari dan bulan akan dihasilkan daripada sumber berautoriti.

Dalam konteks negara ini, data itu dihasilkan berdasarkan almanak falak syarie dihasilkan ramal pakar daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), ahli falak dan ahli akademik.

Data itu adalah paling autentik bagi tujuan hisab Imkanur Rukyah tempatan, manakala data mentah daripada pihak luar adalah kurang relevan kerana kaedah hitungan astrometri yang pelbagai, tidak sesuai bagi maksud cerapan hilal dalam Islam dan integriti kaedah boleh dipertikaikan. Dengan kriteria ini, berkemungkinan ia tidak akan dipenuhi atau dipenuhi pada peraturan rendah.

Namun, tiada sebab umat Islam perlu risau, kerana akhirnya menjadi tanggungjawab Pemegang Mohor Besar Raja-Raja untuk membuat perisytiharan berdasarkan rukyah hilal. Umat Islam hanya perlu taat kepada arahan util amri, yang akan menerima nasihat daripada mufti dan pakar falak tanpa sebarang kepentingan.

Pada zaman sekarang, ilmu hitungan atau hisab bagi penentuan awal bulan terbukti penggunaannya bagi mengatasi masalah cerapan di negara berawan tebal seperti Malaysia.

Apa yang pasti, antara hikmah utama mengapa Ramadan dimulakan dengan cerapan anak bulan, adalah bagi mendorong umat Islam melakukan kajian ilmiah berterusan terhadap jasad samawi ciptaan Tuhan, selain menggalakkan umat Islam menyambut Ramadan dengan merenung tanda kebesaran Allah SWT, bagi membolehkan mereka mengharungi pesta beribadah ini dengan penuh keimanan.

“Demi kemaslahatan dan kesatuan ummah, pihak berkuasa agama menerima penggunaan hisab berasaskan imkanur rukyah dengan kriteria tertentu. Polisi diambil pihak berkuasa agama, menyelesaikan khilaf dalam kalangan masyarakat”



Cerapan anak bulan akan dilakukan pakar bagi berdasarkan ketetapan tertentu sebelum keputusan dibuat berdasarkan data-data yang diceraip. (Foto hiasan)